

**KENYATAAN YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI  
MESYUARAT MAJLIS PENUH  
27 APRIL 2018**

---

**1. PENGHARGAAN DAN TAHNIAH KEPADA AHLI MAJLIS YANG  
DIPILIH MENJADI CALON PRU KE-14**

MPSP mengucapkan tahniah kepada Ahli Majlis yang telah dipilih menjadi calon PRU ke-14 iaitu En. Zulkifli bin Ibrahim, En. H'ng Mooi Lye, En. Satees a/l Muniandy dan Dr. Amar Pritpal bin Abdullah. Ribuan terima kasih diucapkan atas sumbangan yang telah diberikan selama berkhidmat di MPSP dalam membantu menggubal dasar dan garis panduan MPSP, menyumbang idea serta komen yang bernas dalam semua jawatankuasa-jawatankuasa yang dihadiri serta membantu membentuk perancangan Pelan Strategi Seberang Perai 2018-2022. Diharapkan kerjasama ini dapat diteruskan pada masa hadapan dan selamat maju jaya.

**2. PROGRAM MPSP MESRA PELANGGAN 2.0 #ANDA BUNTU  
KAMI BANTU.**

Pada hari ini 27 April 2018 (Jumaat), MPSP menganjurkan "Program MPSP Mesra Pelanggan 2.0" #Anda Buntu Kami Bantu dari jam 9.00 Pagi hingga 12.30 Tengahari bertempat di Perkarangan Lobi MPSP, Menara MPSP, Bandar Perda Bukit Mertajam.

Orang ramai yang hadir akan diberi penerangan yang jelas melalui sesi konsultasi, taklimat serta pameran berkaitan dengan garis panduan yang dikeluarkan oleh MPSP serta isu-isu berkaitan binaan tanpa kebenaran, peniagaan / kilang tanpa lesen, kaedah penubuhan JMB/MC, klinik bayaran tunggakan cukai taksiran, kaedah pengasingan sisa di punca dan diskaun pembayaran kompaun mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Melalui program ini juga, kelulusan pindaan / tambahan melalui buku panduan untuk kediaman boleh diberikan terus pada hari yang sama tertakluk kepada pemohon yang telah mematuhi syarat. MPSP akan memberi tawaran istimewa iaitu mengecualikan kompaun ke atas bangunan kediaman yang memperolehi kelulusan pelan bangunan sebelum 31 Disember 2018.

### **3. OPERASI SERAHAN WARAN TAHANAN TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN**

Saya di sini ingin memaklumkan bahawa operasi serahan waran tahanan akan bermula pada **10 Mei 2018** ke atas pemilik premis yang masih gagal menjelaskan tunggakan cukai taksiran. Pemilik

premis dinasihatkan agar menjelaskan tunggakan dengan **SEGERA** bagi mengelakkan pemilik premis dikenakan waran tahanan dan sitaan harta alih dilaksanakan oleh MPSP.

Bayaran boleh dibuat di kaunter bayaran MPSP di Bandar Perda, Butterworth dan Jawi. Pembayar cukai juga boleh membuat bayaran secara online di laman web MPSP, laman web Kerajaan Negeri Pulau Pinang serta agen-agen yang sah dilantik oleh MPSP.

Sebarang masalah, sila hubungi pihak MPSP di talian 04-5497470 / 471 / 891 / 790 untuk pertanyaan serta maklumat lanjut mengenai cukai taksiran anda.

#### **4. MPSP BERJAYA MERANGKUL ANUGERAH DI MAJLIS MALAYSIA LANDSCAPE ARCHITECTURE AWARDS (MLAA)**

Majlis Perbandaran Seberang Perai telah menerima anugerah di Majlis Malaysia Landscape Architecture Awards (MLAA), Gala Dinner oleh Institute Of Landscape Malaysia (ILAM) pada 21 April 2018 di The Majestic Hotel, Kuala Lumpur.

Anugerah yang diberikan kepada MPSP ialah Special Honour Award bagi Government Category: Green Initiatives Awards yang telah dinobatkan kepada Projek Butterworth Fringe Festival : A Creative Placemaking In Urban Public Spaces yang telah menerima trofi dan sijil.

Majlis ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri Haji Mohammad bin Mantek (Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan). Tahniah diucapkan kepada Unit Butterworth Baharu dan semua jabatan sokongan atas kejayaan ini.

## **5. MPSP BERJAYA MERANGKUL ANUGERAH DI KONVENSYEN MINI TEAM EXCELLENCE (MTEEx) 2018 WILAYAH TENGAH**

Majlis Perbandaran Seberang Perai telah menerima anugerah di Majlis Konvensyen Mini Team Excellence (MTEEx) 2018 Wilayah Tengah oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) pada 24 April 2018 di Holiday Inn Kuala Lumpur Glenmarie, Shah Alam.

Anugerah yang diberikan kepada MPSP ialah Silver Award atas kejayaan mewujudkan Upcycle Park dan telah menerima trofi serta

sijil. Majlis ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Mohd Razali bin Hussain (Ketua Pengarah Perbadanan Produktiviti Malaysia). Tahniah diucapkan kepada Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan jabatan sokongan serta Wira Orange MPSP atas kejayaan ini.

## **6. SAMBUTAN HARI PEKERJA 2018**

Dimaklumkan bahawa Hari Pekerja akan disambut pada 1 Mei 2018 (Selasa). Justeru, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Pekerja kepada seluruh warga kerja di Seberang Perai khususnya warga kerja MPSP. Oleh itu, hari tersebut merupakan hari kelepasan am.

## **7. SAMBUTAN AWAL RAMADAN**

Dimaklumkan bahawa umat Islam dijangka akan menyambut bulan Ramadan al-Mubarak pada 17 Mei 2018 (Khamis). Justeru, saya dengan rasa kesyukuran ingin mengucapkan Selamat Berpuasa kepada seluruh umat Islam di Seberang Perai.

## **8. SELAMAT MENYAMBUT HARI WESAK**

Dikesempatan ini juga saya ingin mengucapkan selamat menyambut Hari Wesak kepada semua penganut agama Buddha yang bakal meraikannya pada 29 Mei 2018 (Selasa). Oleh itu, hari tersebut merupakan hari kelepasan am.

## **9. MPSP CAR FREE MORNING PADA 6 MEI 2018 (AHAD)**

Dimaklumkan bahawa Program MPSP Car Free Morning akan diadakan pada 6 Mei 2018 (Ahad) di Jalan Todak 2 dan 3, Seberang Jaya bermula jam 8 pagi hingga 12 tengah hari. Tema pada kali ini ialah Sambutan Hari Kasih Sayang yang dibawa sempena sambutan Hari Ibu dan Hari Bapa. Pelbagai aktiviti menarik akan disediakan antaranya pertandingan mereka pakaian kitar semula antara ibu dan anak, pertandingan sepak raga bulat dengan memakai kain pelikat oleh kaum bapa, aktiviti senaman aerobik yang lebih santai, bengkel dan jualan barangan Upcycle, Kraftangan, pemeriksaan kesihatan serta pameran perkhidmatan MPSP dan lain-lain lagi acara menarik. Oleh itu, semua penduduk Seberang Perai dijemput hadir bagi memeriahkan program ini.

## 10. SENAMROBIK BERSAMA MPSP

Dimaklumkan bahawa program sihat MPSP iaitu Senamrobik Bersama MPSP di Taman Tugu Kota Demokrasi Bagan, Mak Mandin dan Senamrobik di Taman Berjaya, Nibong Tebal yang dirancang diadakan pada 20 Mei 2018 (Ahad) dan 27 Mei 2018 (Ahad) adalah **ditangguh** sempena bulan Puasa dan program akan dibawa ke bulan seterusnya.

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**